

Persidangan Antarabangsa Ketiga Dunia Islam dan Barat: Merapatkan Jurang

# Islam, Barat perlu jalin persefahaman sejagat

Budaya toleransi, keharmonian mampu jamin keamanan dunia: PM

Oleh Norfatimah Ahmad,  
Magendran Rajagopal, Faiza  
Zainudin dan Sazarina Shahrim

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa dunia Islam dan Barat merangka semula pendekatan bagi merapatkan jurang antara kedua-duanya untuk mendapatkan kembali kepercayaan, penghormatan, persefahaman dan kerjasama yang penting bagi keamanan dan keselamatan dunia.

Perdana Menteri berkata, jika usaha itu dapat dicapai, bermakna kedua-dua pihak berjaya mengambil langkah penting untuk menutup jurang yang wujud selama ini walaupun dunia Islam dan Barat berkongsi aspek sejarah dan falsafah sejagat.

"Kita perlu bersatu dan komited untuk mewujudkan budaya toleransi dan keharmonian bagi menggalakkan kesejahteraan sesama insan tanpa mengira perbezaan yang wujud antara kita sebagai sebuah masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian pada upacara utama Persidangan Antarabangsa Dunia Islam dan Barat Ketiga: Merapatkan Jurang di sini, semalam, yang turut dihadiri Setiausaha Per-

sidangan Pertubuhan Islam (OIC), Profesor Ekmeleddin Ihsanoglu dan Menteri Luar, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Persidangan dua hari bermula semalam itu dianjurkan bersama Kementerian Luar, Institut Diplomasi dan Hubungan Antarabangsa serta Inisiatif Cordoba, satu kumpulan intelektual Islam dan bukan Islam.

Abdullah berkata, kedua-dua pihak seharusnya memberi tumpuan kepada asas persamaan yang wujud sebagai agenda utama ke arah keamanan, bukan merungut atau memperbesar-besarkan jurang perbezaan yang wujud untuk kepuasan politik atau agenda strategik tertentu.

*"Kita perlu bersatu dan komited untuk mewujudkan budayatoleransi dan keharmonian sesama insan"*

Abdullah Ahmad Badawi  
Perdana Menteri

Perdana Menteri berkata, perbezaan politik, manipulasi agama atau ideologi sekular sebenarnya menjadi punca tercetusnya konflik antara masyarakat Islam dan Barat.

"Oleh itu, jika perasaan, sikap dan persepsi antara satu sama lain itu dapat diubah dan lebih terbuka, tentunya jurang itu akan lenyap, mungkin tidak secara menyeluruh tetapi cukup untuk member! keaan terutama kepada keputusan dan tindakan yang diambil.

"Selain itu, jurang akibat sikap dan persepsi negatif antara masyarakat Islam dan Barat yang didorong oleh faktor politik, sosioekonomi dan keagamaan juga perlu diberi perhatian," katanya.

Beliau memberi contoh selepas kejatuhan era komunisme berikutan pembubaran Kesatuan Soviet pada 1989, beberapa pemikir Barat melihat Islam sebagai musuh hingga mencetuskan pandangan negatif Barat terhadap masyarakat Islam.

"Malah, masyarakat Islam juga dilihat sebagai menolak kemodenan, sekali gus menentang Barat. Sesungguhnya ia tidak benar kerana Islam adalah agama dan cara hidup yang tidak sama sekali menolak pembangunan dan kemodenan.

"Islam juga mementingkan ilmu, yang menjadi asas kepada pembangunan dan kemajuan sama ada secara material atau spiritual," katanya.

Sehubungan itu, Abdullah berkata, Malaysia komited untuk menyokong inisiatif Pakatan Ketamadunan (AoC) bagi melaksanakan pelan tindakan globalnya untuk mewujudkan kefahaman sejagat.

"Malaysia mahu menyumbang kepada usaha global menerusi peringkat serantau dengan memapankan pelan jangka panjang AoC dan menyampaikan hasil persidangan ini kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mendapat sokongan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, kejayaan dalam usaha ini memerlukan kerjasama kerajaan, sektor swasta, keagamaan dan masyarakat bukan saja di negara Islam, malah Barat.

Abdullah juga mengetengahkan pendekatan Malaysia yang menyediakan ruang kepada rakyat asing bukan Islam untuk mendalami Islam dengan menawarkan kursus dan pengajian keagamaan, seperti kewangan Islam dan undang-undang syariah termasuk di Universiti Islam Antarabangsa dan Institut Kefahaman Islam Malaysia.